

# Tribunal jenayah perang KL boleh kemuka hasil siasatan

UM- 6/2/2007

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (TJPKL) yang bakal ditubuhkan boleh mengemukakan hasil siasatan, keterangan, pengadilan serta menuntut ganti rugi untuk dilaksanakan oleh beberapa mahkamah di peringkat negara dan antarabangsa.

Peguam Antarabangsa, Alfred Lambremont Webre berkata, tindakan untuk mengadili jenayah perang mampu menggerakkan pendapat orang ramai untuk mendakwa mereka yang memainkan peranan utama dalam Pertubuhan Pakatan Jenayah Perang (WRO) di negara-negara terlibat.

"Peranan TJPKL ialah untuk mendakwa mereka yang terlibat membuat keputusan dalam WRO kerana melakukan jenayah serius yang turut melibatkan masyarakat antarabangsa," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika membentangkan kertas kerja "Undang-Undang Antarabangsa dan Jenayah Perang" di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini sempena Persidangan Antarabangsa Pendedahan Jenayah Perang-Jadikan Peperangan Satu Jenayah.

Menurut beliau, kuasa perundangan TJPKL itu perlu dipanjangkan kepada 88 negara yang belum menandatangani Statut Rom untuk Mahkamah Antarabangsa termasuk Amerika Syarikat (AS) dan Israel. Alfred berkata, sehingga 1 Januari 2007, sebanyak 104 negara telah menandatangani Statut Rom untuk Mahkamah Antarabangsa termasuk 29 negara Afrika, 12 negara Asia, 15 Eropah Timur, 22 dari Latin Amerika dan Caribbean, 26 dari Eropah Barat dan lain-lain negara.

"Negara berkenaan telah meluluskan undang-undang yang membenarkan mahkamah di ne-

gara mereka mendakwa jenayah perang seperti yang ditakrifkan oleh Konvensyen Geneva dan Statut Rom," jelasnya.

Sebelum itu, Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan TJPKL dan Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur.

Sementara itu, bekas Penolong Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pengantara Kemanusiaan di Iraq, Hans Von Sponeck berkata, kuasa-kuasa besar sebenarnya menjadikan dasar sekatan ekonomi sebagai senjata kepada kemusnahan secara menyeluruh.

Menurut beliau, sekatan ekonomi terdapat dalam pelbagai peringkat dan yang paling serius ialah yang dihadapirakyat Iraq.

"Rakyat Iraq bukan sahaja mati akibat tidak cukup makanan disebabkan sekatan ekonomi malah turut dijangkiti penyakit dan buta huruf," katanya ketika membentangkan kertas kerja "Sekatan Ekonomi-Senjata Untuk Kemusnahan."

Kata beliau, rakyat di negara itu secara berterusan hidup dalam kemiskinan dan menghadapi konflik di kalangan mereka.

Beliau turut menyatakan kebimbangannya terhadap peranan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) yang sepatutnya menghalang berlakunya peperangan tetapi sebaliknya terlibat dengan agenda politik kuasa-kuasa tertentu.

Pertubuhan tersebut kata beliau, lebih suka melihat sesebuah negara terus terlibat dalam konflik dan kemiskinan secara keseluruhannya.

Hans turut mendedahkan bahawa kini sebanyak 192 negara telah memperoleh kemerdekaan dan mereka tidak boleh diperlekehkan dengan mudah oleh kuasa-kuasa besar.